

# Kerjasama dengan Pas merosakkan DAP

11.10.2001

**MENGAPA** dulu DAP mahu bergabung dengan Pas walaupun pemimpin-pemimpin DAP mengetahui matlamat Pas adalah untuk menubuhkan negara Islam ala parti itu?

**DR. CHEN:** Kita bekerjasama untuk menegakkan keadilan dan demokrasi. Pada masa itu, Pas tidak menimbulkan isu penubuhan negara Islam.

**Tindakan DAP keluar pakatan pembangkang beberapa hari sebelum pilihan raya negeri Sarawak seperti menikam kawan dalam Pas dan keadilan dari belakang. Adakah ini yang saudara rasakan?**

**DR. CHEN:** Perkara ini berlaku secara kebetulan. Isu penubuhan negara Islam bermula sejak setahun lalu. DAP dan Pas telah mengadakan beberapa rundingan untuk menyelesaikan masalah ini. Ia berlaku sebelum pilihan raya negeri Sarawak. Semua rundingan menghadapi jalan buntu sehingga pilihan raya negeri Sarawak semakin hampir.

Kita kemudian memberi mandat kepada Jawatankuasa Eksekutif Pusat DAP (CEC) untuk membuat keputusan. CEC juga berada dalam keadaan berbelah bagi sama ada mahu kekal dalam pakatan pembangkang atau sebaliknya.

Akhirnya CEC membuat keputusan keluar daripada pakatan pembangkang selepas semua rundingan dengan Pas gagal. Sebelum CEC membuat keputusan keluar daripada pakatan pembangkang, DAP Sarawak telah pun berbuat demikian.

**Berdasarkan keputusan pilihan raya negeri Sarawak yang tidak memihak kepada DAP, apakah DAP akan menyertai semula pakatan pembangkang pada masa depan?**

**DR. CHEN:** Jika isu penubuhan negara Islam selesai, kita akan memikirkan untuk bergabung semula.

**Nik Aziz mendakwa DAP gagal menjelaskan konsep negara Islam kepada ahli dan penyokongnya benarkah?**

**DR. CHEN:** Keadan ini berlaku kerana Pas gagal menjelaskan konsep negara Islam yang mereka perjuangkan kepada DAP. Jika DAP tidak faham dengan penjelasan Pas, bagaimana kita mahu menerangkan kepada ahli dan penyokong parti kita.

**DR. CHEN:** Mereka berpendapat DAP akan sukar untuk memenangi pengundi Melayu terutama di kawasan luar bandar jika DAP memutuskan hubungan dengan Pas.

**Adakah saudara berpendapat jika DAP terus kekal dalam pakatan pembangkang, DAP akan mengalami kekalahan yang lebih teruk pada pilihan raya umum 2994 berbanding 1999?**

**DR. CHEN:** Ya. Kita hilang banyak kerusi kerana berada dalam pakatan pembangkang. Ini kerana kita dihantui oleh isu penubuhan negara Islam yang tidak dapat diterima oleh bukan Islam. Pengundi Cina banyak lari kepada MCA.

Kita kalah teruk. Jika kita terus dalam pakatan pembangkang, DAP akan menjadi lebih lemah.

**Adakah DAP bimbang kalau Pas membentuk kerajaan, kemungkinan Pas akan menindas masyarakat Cina dan DAP?**

**DR. CHEN:** Ya, jika Pas membentuk kerajaan dan mendirikan negara Islam, ia akan memberi masalah kepada masyarakat Cina.

**Jadi, Pas yang memporak-perandakan hubungan dalam pakatan pembangkang?**

**DR. CHEN:** Ya, semua yang berlaku berpunca daripada Pas.

**Adakah masalah yang dihadapi antara DAP dan Pas akan memberi kelebihan kepada MCA dan parti Gerakan?**

**DR. CHEN:** Semasa kita bekerjasama dengan Pas dulu, memang ada ahli DAP yang lari kepada MCA atau Gerakan. Kita yakin mereka akan kembali kepada DAP sekurang-kurangnya atas dasar simpati. Kita mesti bekerja kuat untuk menarik balik sokongan orang Cina.

MCA memnunvai masalah dalaman. MCA juga tidak mahu negara Islam. UMNO pula mahu dirikan negara Islam. Bagaimana pendirian MCA dan Gerakan dalam soal ini? Bagaimana mereka mahu mempertahankan pendirian mereka? Adakah mereka sokong atau sebaliknya?

Mereka menolak negara Islam tetapi pada masa yang sama menyokong negara Islam yang didirikan oleh UMNO. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri pernah berkata, Malaysia adalah negara Islam.